



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN UNDI PERDANA SECARA DALAM TALIAN  
JABATAN KERJA RAYA MELAKA  
BAGI TAHUN 2021  
TARIKH: 30 MAC 2021 (SELASA) , MASA: 12.00 TENGAH HARI  
DI DEWAN SRI ISMAEL, JKR MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

**Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis;**

**Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**Yang Berhormat Datuk Roslan bin Datuk Hj. Ahmad,  
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam  
dan Infrastruktur Negeri Melaka;**

**Yang Berhormat Datuk Zaidi bin Johari,  
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datuk Ir. Ismail Bin Abd. Rahman,  
Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka;**

**Yang Berbahagia Datuk Tajudin bin Husin,  
Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia  
Melaka;**

**Yang Berusaha Tuan Hj. Hashim bin Dollah,  
Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas  
F Malaysia (PERKOBF Malaysia) Cawangan Negeri  
Melaka;**

**Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;**

**Jurutera – jurutera Daerah;**

**Ketua-ketua Bahagian,  
Jabatan Kerja Raya Melaka;**

**Kontraktor-kontraktor yang menyertai Cabutan Undi Perdana secara dalam talian (*online*) pada hari ini,**

**Seterusnya, Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.**

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita sama-sama hadir di Majlis Cabutan Undi Perdana Jabatan Kerja Raya Melaka (JKR) pada hari ini, yang julung kalinya diadakan secara langsung dalam talian (*online*) melalui laman Facebook (FB) rasmi JKR Melaka.

2. Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh kakitangan Jabatan Kerja Raya Melaka yang diketuai oleh Pengarah JKR Melaka, Yang Berbahagia Datuk Ir. Ismail bin Abd. Rahman di atas inisiatif untuk melaksanakan Cabutan Undi Perdana melalui platform media sosial di mana ia sememangnya sejajar pematuhan SOP bagi mengekang penularan pandemik COVID-19.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

## **INISIATIF CABUTAN UNDI PERDANA JKR**

3. Kita semua sedia maklum, sejak berlakunya penularan COVID-19, ia telah memberi impak yang sangat besar kepada pertumbuhan ekonomi dari segenap sektor. Antara sektor yang turut terjejas semestinya sektor pembinaan. Banyak kerja-kerja yang terpaksa dihentikan buat sementara waktu dan ada juga yang perlu penyeliaan yang rapi demi mematuhi SOP yang telah dikuatkuasakan.



4. Namun, itu bukanlah alasan untuk kita tidak meneruskan segala agenda pembangunan negeri. Kita perlu terus bijak dan kreatif mencari jalan dan peluang untuk merencanakan semula pertumbuhan ekonomi dan seterusnya memacu pemulihan ekonomi yang terkesan.
  
5. Justeru, Kerajaan Negeri Melaka amat menyambut baik langkah dan inisiatif yang diambil oleh JKR Melaka sebagai agensi pelaksana di dalam sektor pembinaan dengan mengadakan Cabutan Undi Perdana pada pagi ini bagi salah satu usaha melonjakkan semula aktiviti ekonomi.

6. Saya difahamkan, Cabutan Undi Perdana pada hari ini adalah tertumpu kepada projek-projek penyelenggaraan infrastruktur, seperti jalan dan longkang. Ia bertujuan untuk menyediakan infrastruktur yang selamat dan selesa digunakan oleh pengguna jalan raya.

7. Inisiatif ini juga selari dengan Melaka Key Result Area ke-2 yang terangkum di dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) iaitu Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat bertujuan menyediakan kemudahan awam yang lengkap seperti jaringan jalan raya yang mampan dan sebagainya sebagai usaha mencapai visi dan misi Negeri Melaka.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

8. Sesungguhnya Cabutan Undi Perdana seperti ini wajar dilaksanakan kerana ia dapat memberi peluang kepada Kontraktor Bumiputera Gred G1 untuk lebih maju ke hadapan. Selain itu, ia juga dapat memastikan sektor pembinaan infrastruktur ini diagihkan secara adil dan saksama kerana, mutakhir ini, persaingan yang dihadapi oleh kontraktor Bumiputera sangat hebat berbanding kontraktor lain.

9. Laginya, Cabutan Undi Perdana pada hari ini menawarkan sebanyak **43 bilangan kerja-kerja** berkaitan penyelenggaraan jalan negeri di bawah peruntukan MARRIS di mana ia melibatkan jumlah sebanyak **RM1,640,000.00**. Agihan kerja sebanyak, **13 bilangan di Daerah Melaka Tengah, 12 bilangan kerja di Daerah Jasin dan 18 bilangan kerja di Daerah Alor Gajah.**

## **PENUTUP**

10. Sehubungan dengan itu, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah dan selamat maju jaya kepada kontraktor yang berjaya. Saya mahukan, para kontraktor yang berjaya pada hari ini memberikan perkhidmatan yang terbaik bersesuaian dengan kepercayaan yang telah diberikan oleh kerajaan selain menyiapkan projek-projek mengikut tempoh masa yang diberikan dan memastikan kualiti yang dihasilkan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Isu keselamatan semasa pembinaan juga perlu dipandang serius dan dititikberatkan agar

keselamatan pekerja di tapak bina dan pengguna jalan raya terjamin.

11. Manakala, kepada yang tidak berjaya, jangan berputus asa dan semoga mendapat peluang yang lain pada masa akan datang. In Shaa Allah semoga pada masa akan datang lebih banyak kerja-kerja penyelenggaraan dan projek pembinaan boleh dilaksanakan demi kemudahan dan kebaikan rakyat.

12. Akhir kata dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM saya merasmikan Majlis Cabutan Perdana Jabatan Kerja Raya Melaka Secara Atas Talian bagi Tahun 2021.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



